PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN_____
TINGKATAN 5

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

PERATURAN PEMARKAHAN

PENDIDIKAN ISLAM KERTAS 1

Soalan			Jawapan	Markah
1	(a)	(i)	Maksud fiqh al-auwlawiyat - Ialah mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak.	**2 m**
		(ii)	**Dua** cara mengamalkan fiqh al-auwlawiyat daripada aspek amalan. -Mengutamakan amalan yang banyak manfaat berbanding amalan yang kurang manfaat. - Mengutamakan aktiviti kemasyarakatan berbanding dengan ibadat sunat.	**Ayat yang lengkap** **(2 isi x 2m= 4m)**
		(iii)	**Dua** pengajaran ayat -Kita hendaklah meningkatkan keimanan kepada Allah SWT agar menjadi hamba yang bertakwa. -Kita hendaklah sentiasa berazam untuk berjihad supaya mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah SWT -Kita hendaklah sentiasa berhijrah kepada yang lebih baik supaya menjadi insan yang lebih produktif.	**Isi=1m** **Huraian=1m** **(2 isi x 2m= 4m)**
	(b)	(i)	Maksud sihir -Perbuatan yang memudaratkan orang lain dengan bantuan jin	**2m**
		(ii)	**Dua** contoh sihir -santau -pukau -minyak pengasih -pelaris	**2 isi x1m=2m**
		(iii)	Dua pengajaran yang dapat diambil daripada hadis - Kita hendaklah sentiasa memelihara diri daripada perbuatan syirik / kerana syirik boleh merosakkan akidah.	**(2 isi x 2m=4m)** **Isi=1m** **Huraian=1m**

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>- Kita hendaklah menghindarkan diri daripada perbuatan membunuh / kerana membunuh melanggar hak asasi manusia.
- Kita hendaklah bersikap amanah dalam mengurus harta anak yatim /untuk memelihara hak orang lain.
- Kita hendaklah mempertahankan keamanan negara / supaya Islam dapat ditegakkan.
- Kita hendaklah menghindarkan diri daripada menuduh orang berzina tanpa bukti / supaya maruah umat Islam terpelihara.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Ra Tarqiq(1m) dibaca dengan menipiskan bunyi sebutan(1m)</td><td>1 isi x 2m
=2m</td></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud al-Jabbar
-Nama Allah yang menunjukkan Allah SWT yang Maha Berkuasa secara mutlak/untuk melakukan segala kehendakNya</td><td>1 isi x2m=2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua bukti kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Jabbar
-Allah SWT memiliki dan menguasai seluruh alam iaitu semua makhluk berada dalam pemerintahan Allah SWT.
-Perbuatan Allah SWT tidak boleh dipersoalkan kerana mengandungi hikmah yang tersembunyi</td><td>Ayat lengkap
(2 isi x2m=4m)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran:
<table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Isi dengan huraian ringkas</td><td>2 markah</td></tr><tr><td>Isi dengan huraian ringkas berserta huraian lengkap/ contoh/ kesan</td><td>3 markah</td></tr><tr><td>Isi dengan huraian ringkas, huraian lengkap/ contoh/ kesan berserta kesimpulan/ olahan menarik</td><td>4 markah</td></tr></table>Contoh isi jawapan:
-Kejadian alam yang indah menunjukkan Allah Maha Pencipta</td><td>4m</td></tr>
</table>

	(b)	(i)	**Dua** aliran yang betentangan ASWJ -Syiah -Khawarij -Muktazilah	**2 isi x1m=2m**
		(ii)	**Dua** prinsip utama salah satu daripada aliran yang bertentangan. Syiah -Meyakini bahawa al-imamah merupakan rukun agama dan telah ditentukan oleh Allah SWT melalui lisan Rasulnya secara nas. -Meyakini imam-imam adalah maksum. -Menyanjung Saidina Ali secara ketertaluan sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW. -Mengamalkan taqiyah Khawarij -Jawatan khalifah atau imam hendaklah diserahkan pemilihan kepada rakyat -Menyatakan Saidina Ali telah melakukan dosa besar serta kufur kerana bersetuju mengadakan majlis tahkim -wajib keluar menentang pemimpin yang tidak adil -Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira dosa besar dan kafir. Muktazilah -Menafikan sifat ma'ani pada zat Allah SWT. -Meyakini manusia bertanggungjawab sepenuhnya atas perbuatan tanpa ditentukan oleh Allah SWT -Allah SWT wajib memberikan balasan baik kepad orang yang taat dan ancaman azab bagi orang yang buat maksiat. - Pelaku dosa besar berada pada satu tahap antara mukmin dengan kafir dan mereka kekal di dalam neraka.	**2isi x 2m =4m**

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>-Menyeru kebaikan dan mencegah keburukan adalah wajib</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Dua kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah.
-Mendapat keredhaan Allah SWT kerana berpegang pada ajaran Islam yang sebenar.
-Menjamin keamanan Negara kerana rakyatnya saling bersatu padu.
-Memelihara kesucian agama kerana berpegang pada akidah yang satu.</td><td>(2 isi x 2m=4m)
Isi=1m
Huraian=1m</td></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua tanggung jawab sebagai seorang suami.

-Menyediakan segala keperluan asas/ untuk isteri dan anak-anak.
-Memberikan kasih saying/,belas kasihan serta nafkah batin isteri.
-Memberikan layanan yang baik kepada isteri/ seperti tutur kata yang baik.</td><td>2 isi x1m=2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua implikasi sekirannya pasangan suami isteri tidak menunaikan tanggung jawab masing-masing.

-Dimurkai oleh Allah SWT kerana mengabaikan Amanah
-Rumah tangga menjadi porak peranda
-Masyarakat memandang hina
(Mana-mana jawapan munasabah diterima)</td><td>Ayat yang lengkap
(2 isi x2m=4m)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik penskoran:

<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Isi dengan huraian ringkas</td><td>2 markah</td></tr>
<tr><td>Isi dengan huraian ringkas berserta huraian lengkap/ contoh/ kesan</td><td>3 markah</td></tr>
<tr><td>Isi dengan huraian ringkas, huraian lengkap/ contoh/ kesan berserta kesimpulan/ olahan menarik</td><td>4 markah</td></tr>
</table>

Contoh isi jawapan:
-Isteri akan mengabaikan tanggungjawab kerana tidak mempunyai pegangan agama yang kukuh</td><td>(4m)</td></tr>
</table>

			-Berlaku keretakan di dalam rumah tangga	
	(b)	(i)	Maksud talak -ialah pembubaran perkahwinan oleh suami /dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan.	**2m**
		(ii)	**Dua** jenis talak -Talak Rajie iaitu talak yang boleh dirujuk dalam tempoh idah tanpa akad dan mahar yang baru. -Talak Bain iaitu talak yang tidak boleh dirujuk kecuali dengan akad nikah dan mahar yang baru.	**Ayat lengkap** **(2 isi x 2m=4m)**
		(iii)	Hukum -Wajib -Sunat -Makruh -Haram	**4m**
4	**(a)**	(i)	Riwayat hidup -Nama penuh ialah Muhammad al-Fateh Bin Murad II -Tarikh lahir pada 833 Hijrah / 1429 Masihi -Tarikh mangkat pada 886 H / 1481 M -Tempoh pemerintahan selama 31 Tahun -Jawatan sebagai pemerintah ketujuh kerajaan Uthmaniyah	**(2 isi x 1m=2m)**
		(ii)	**Dua** sumbangan beliau -Membuka kota Constantinople pada tahun 857 Hijrah/1453 Masihi. -Menyatukan empayar di utara Balkan bagi mengelakkan serangan Hungary. -Mewakafkan Aya Sophia sebagai masjid dan membina kompleks al-Fateh	**(2 isi x2m=4m)**
	(b)	(i)	**Dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah -Pemerintah berperanan dengan berkesan sebagai ketua tentera,ketua agama dan hakim tertinggi	

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>-Pemerintah menyelaraskan pemerintahan dan keagamaan.
-Penguasaan laluan di antara benua Eropah dengan benua Asia
-Menjadikan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu
-Menaik taraf dan membina institusi masjid
-Penjagaan kebajikan rakyat
-Mewujudkan suasana yang harmoni dalam masyarakat
-Sistem wakaf yang sistematik
-Semangat jihad yang tinggi dalam kalangan tentera
-Menjaga kebajikan tentera</td><td>2 isi x1m=2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Rubrik penskoran:
<table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Isi dengan huraian ringkas</td><td>2 markah</td></tr><tr><td>Isi dengan huraian ringkas berserta huraian lengkap/ contoh/ kesan</td><td>3 markah</td></tr><tr><td>Isi dengan huraian ringkas, huraian lengkap/ contoh/ kesan berserta kesimpulan/ olahan menarik</td><td>4 markah</td></tr></table>Contoh isi jawapan: (cara)
-Mengenali dengan lebih dekat kumpulan sasaran
-Menggunakan cara yang lemah lembut untuk berdakwah</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Jawatan yang dipegang
-Mursyidul am Ikhwanul Muslimin</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Tiga bukti ketinggian akhlak
-Memuliakan orang-orang yang warak dan soleh
-Gigih mengerakkan usaha-usaha dakwah
-Berlapang dada apabila terdapat perbezaan pendapat</td><td>3 isi x1m=3m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Dua iktibar yang dapat anda perolehi daripada keunggulan tokoh</td><td>(2 isi x 2m=4m)
Isi=1m</td></tr>
</table>

			-Kita hendaklah bersifat cekal menyebarkan dakwah Islam agar masyarakat Islam dapat memahami Islam yang sebenar. -Kita hendaklah menyebarkan ilmu dengan kepakaran yang ada agar dapat memberi manfaat kepada agama,bangsa dan Negara. -Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh Islam agar Bahagia hidup di dunia dan di akhirat. (Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)	**Huraian=1m**
5	**(a)**	(i)	**Maksud** istiqamah. -Ialah ketaatan yang berterusan/dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi laranganNya.	**2m**
		(ii)	**Dua** cara untuk memiliki sifat istiqamah -Sentiasa bermujahadah melawan hawa nafsu. -Sentiasa berdoa memohon bantuan Allah SWT -Sentiasa membaca dan mengambil iktibar daripada kisah para Rasul. -Sentiasa muhasabah diri agar ikhlas dan sabra	**Ayat yang lengkap** **(2 isi x2m=4m)**
		(iii)	**Dua** implikasi tidak mengamalkan sifat istiqamah dalam kehidupan. -Membentuk individu yang berakhlak buruk /kerana melakukan keburukan secara berterusan -Membentuk insan yang tidak teguh pendirian/dalam mempertahankan kebenaran -Memupuk sikap tidak sanggup berkorban harta dan nyawa demi mempertahankan Islam. (Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)	**(2 isi x 2m=4m)** **Isi=1m** **Huraian=1m**
	(b)	(i)	Maksud alam sekitar -Ialah segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat disekeliling manusia	**2m**
		(ii)	**Dua** langkah yang boleh anda dilakukan untuk memastikan kawasan sekolah bebas daripada pencemaran -Tidak membuang sampah merata-rata -Menjaga kebersihan kawasan sekolah -Mengadakan kempen kesedaran pentingnya menjaga kebersihan -Mengenakan tindakan kepada mereka yang membuat pemcemaran di dalam sekolah	**Ayat yang lengkap** **(2 isi x2m=4m)**

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>(Mana-mana jawapan munasabah diterima)</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran:

<table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Isi dengan huraian ringkas</td><td>2 markah</td></tr><tr><td>Isi dengan huraian ringkas berserta huraian lengkap/ contoh/ kesan</td><td>3 markah</td></tr><tr><td>Isi dengan huraian ringkas, huraian lengkap/ contoh/ kesan berserta kesimpulan/ olahan menarik</td><td>4 markah</td></tr></table>
Contoh isi jawapan: (punca)
-Perasaan terlalu mengikutkan hawa nafsu
-Bersikap pentingkan diri sendiri</td><td>4m</td></tr>
</table>

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT